

PENGUPAYAAN KOMUNITI DAN KELESTARIAN PEMBANGUNAN
PELANCONGAN DI MISO WALAI HOMESTAY KINABATANGAN, SABAH

ABDUL RASID BIN ABDUL RAZZAQ

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Perancangan Bandar dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER 2014

DEDIKASI

Teristimewa untuk

Ayahanda dan Bonda tercinta,
Allahyarham Hj Abdul Razzaq bin Nasrullah dan Hjh Halimah bte Md Amin

Isteri yang tersayang
Norhazila bte Embong

Anak-anak yang dikasihi
Muhammad Hilman Hakimi, Nur Ain Natasha, Abdul Muaz Muhaimim, Abdul
Rafiq Rahimi

Doa, kesabaran serta sokongan kalian adalah kekuatan buat papa menyiapkan tesis
ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan rasa tawaduk, saya memanjat dan mengatur kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang amat pemurah lagi maha mengasihi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyempurnakan kajian dan penulisan tesis ijazah doktor falsafah ini dengan jayanya.

Sesungguhnya saya amat terhutang budi kepada penyelia saya Prof. Dr. Amran bin Hamzah dan Prof Dr. Zainab binti Khalifah atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan panduan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Penghargaan ini turut ditujukan kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia atas penajaan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Teknologi Malaysia ini. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada Encik Hashim bin Abd Hamid (Pengerusi KOPEL), Encik Rosli bin Jukrana (Pengurus Eksekutif KOPEL), Encik Martin Paul Vogel, Ms Cyntia (LEAP), pegawai Jabatan Perhutanan Sabah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia cawangan Sandakan, ahli-ahli MESCOT, komuniti Mukim Batu Puteh dan semua yang terlibat dalam proses pengumpulan data kajian ini.

Tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih yang tidak terhingga di atas bantuan fizikal, sumbangan idea dan sokongan moral anda. Kepada semua, tiada lain yang mampu diberikan, mudah-mudahan Allah S.W.T. memberkati hidup serta membalas budi baik kalian. Jasamu tetap dikenang. Amin. Semoga ilmu yang terkandung dalam tesis ini dapat dimanfaatkan demi kesejahteraan hidup kita bersama. Wallahu alam. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pelancongan berasaskan komuniti berperanan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi komuniti luar bandar. Namun begitu tidak banyak projek pelancongan berasaskan komuniti sama ada yang diinisiatifkan oleh kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang bertahan lama dan berdaya saing. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka dan memahami secara mendalam proses pembangunan Miso Walai Homestay, Kinabatangan Sabah terutamanya dari aspek pembangunan keupayaan komuniti. Untuk tujuan tersebut seramai 19 informan utama telah dipilih dalam kalangan *stakeholder* terlibat dengan menggunakan teknik sampel bertujuan. Temu bual semi struktur merupakan instrumen utama pengumpulan data kajian ini, manakala dokumentasi dan pemerhatian pula merupakan sumber kedua. Data-data temu bual dianalisis menggunakan bantuan perisian NVivo 8 untuk mengurus data mengikut tema dan kategori. Hasil kajian ini mendapati pembangunan Miso Walai Homestay merupakan inisiatif golongan belia menerusi dana NGO. Proses perancangan pembangunan Miso Walai Homestay adalah berdasarkan pendekatan *bottom-up* iaitu ahli komuniti terlibat sepenuhnya dalam proses tersebut. Fokus NGO pada peringkat awal adalah tertumpu kepada pengupayaan diri iaitu proses perubahan mentaliti, pembangunan pengetahuan dan kemahiran. Dapatan kajian ini juga menunjukkan penubuhan entiti perniagaan milik komuniti iaitu Koperasi Pelancongan (KOPEL) merupakan satu bentuk pengupayaan struktur. Sokongan komuniti, kesatuan dan kerjasama serta rasa kepunyaan dalam kalangan ahli komuniti merupakan satu lagi penemuan penting dalam kejayaan pembangunan Miso Walai Homestay. Secara keseluruhannya kajian ini menunjukkan pengupayaan komuniti yang melibatkan komponen pembangunan modal insan, keupayaan organisasi dan keupayaan modal sosial merupakan komponen kritikal dalam melestarikan pembangunan pelancongan berasaskan komuniti.

ABSTRACT

Community based tourism (CBT) is a catalyst for economic development in rural community. However, very few CBT projects initiated either by the government or non-governmental organization (NGO) are sustainable and competitive. The aim of this study is to explore and acquire an in-depth understanding on the process of developing Miso Walai Homestay, located in Kinabatangan, Sabah particularly from the aspect of community capacity building. To achieve the abovementioned aim, 19 key informants were chosen among the stakeholders using the purposive sampling technique. In this study semi-structured interview was the main instrument used for data collection, while documentation and observation were the secondary instruments. Data analysis was facilitated by NViVO 8 software used to organize the data according to themes and categories. The findings of the study reveal that the development of Miso Walai Homestay was initiated by the local youths and developed through the seed of fund provided by NGO. The planning process of Miso Walai Homestay development was based on bottom-up approach where community members were actively involved in the process. During the infancy stage, the NGO focused on self empowerment efforts which concentrate on the process of changing mindset, and building the knowledge and skills. The findings also reveal that the establishment of a community owned business entity namely Tourism Cooperative (KOPEL) is an essential structural empowerment. Another significant finding shows that community support, cohesion, cooperation and sense of belonging are quintessential factors in the success of Miso Walai Homestay development. Overall, this study demonstrates that commendable community capacity building effort that encompasses crucial components such as human capital development, organization empowerment and social capital empowerment are critical components in the development of sustainable CBT projects.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	HALAMAN
	TAJUK	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xvii
	SENARAI RAJAH	xviii
	SENARAI SINGKATAN	xx
	SENARAI LAMPIRAN	xxi
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Tujuan Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	11

1.7	Skop Kajian	12
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Kerangka Konsep Kajian	13
1.10	Struktur Tesis	16
1.11	Rumusan	19
2	PELANCONGAN DAN PENGUPAYAAN KOMUNITI	20
2.1	Pengenalan	20
2.2	Definisi Pelancongan	20
2.3	Konsep Pembangunan dan Kaitan dengan Pelancongan	22
2.3.1	Teori-Teori Pembangunan	23
2.3.1.1	Teori Modernisasi	23
2.3.1.2	Teori Kebergantungan	24
2.3.1.3	Teori Neoliberalisme	26
2.3.1.4	Teori Pembangunan Alternatif	28
2.4	Pelancongan Alternatif	29
2.4.1	Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK)	30
2.4.1.1	Program Homestay	33
2.5	Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK)	34
2.5.1	Model-Model Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti	35
2.5.2	Pendekatan Penglibatan Komuniti	39
2.5.2.1	Model-Model Penglibatan Komuniti	42
2.5.3	Peranan Pihak Kerajaan	45
2.5.4	Peranan Badan Bukan Kerajaan (<i>NGO</i>)	46

2.5.5	Kebergantungan Komuniti kepada Pihak Luar	49
2.6	Pengupayaan Komuniti dalam Industri Pelancongan	51
2.6.1	Definisi Pengupayaan Komuniti	52
2.6.2	Domain Pengupayaan Komuniti	54
2.7	Pengupayaan Individu	55
2.7.1	Pengetahuan dan Kemahiran Pelancongan	55
2.7.2	Pembelajaran Secara Informal	57
2.7.3	Latihan	59
2.7.4	Model dan Teori Pengupayaan Komuniti	61
	2.7.4.1 Model Pembangunan Keupayaan	61
	2.7.4.2 Teori Modal Insan	62
	2.7.4.3 Teori Pembelajaran Orang Dewasa	63
2.8	Pengupayaan Kepimpinan dalam Pelancongan Komuniti	65
2.9	Pengupayaan Organisasi dalam Pelancongan Komuniti	67
	2.9.1 Koperasi sebagai Entiti Perniagaan Milik Komuniti	70
	2.9.2 Kepentingan Kerjasama dengan Pihak Luar	72
2.10	Pengupayaan Modal Sosial	74
	2.10.1 Semangat Kemasyarakatan (<i>Sense of Community</i>)	77
	2.10.2 Model Pemerksaan Komuniti	78
	2.10.3 Teori Medan Komuniti (<i>Community Field Theory</i>)	78
	2.10.4 Teori Pertukaran Sosial (<i>Social Exchange Teori</i>)	80
2.11	Rumusan	82

3	METODOLOGI KAJIAN	83
3.1	Pengenalan	83
3.2	Pemahaman kepada Paradigma Penyelidikan	83
3.2.1	Andaian-Andaian dalam Paradigma Penyelidikan	84
3.3	Reka Bentuk Kajian	87
3.4	Pemilihan Kajian Kes	90
3.5	Pemilihan Peserta Kajian	92
3.6	Instrumen Kajian	95
3.6.1	Pengumpulan Data menerusi Kaedah Temu Bual Semi Struktur	96
3.6.2	Rujukan Dokumentasi	97
3.6.3	Pemerhatian Pengkaji semasa Kerja Lapangan	98
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	99
3.7.1	Peringkat Tinjauan Awal	100
3.7.2	Peringkat Kajian Sebenar	101
3.8	Prosedur Penganalisan Data	103
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kajian	106
3.10	Penyertaan Pengkaji dalam Penerbitan dan Seminar	108
3.11	Rumusan	109
4	DAPATAN KAJIAN	110
4.1	Pengenalan	110
4.2	Profil Peserta Kajian (PK)	110
4.3	Sejarah Latar Belakang Hilir Kinabatangan	111

4.3.1	Profil Mukim Batu Puteh	114
4.4	Latar Belakang Pembangunan Miso Walai Homestay	115
4.4.1	Kajian Penerimaan Komuniti oleh <i>WWFM</i>	116
4.4.2	Inisiatif Golongan Belia menerusi Dana <i>WWFM</i>	117
4.5	Pembangunan Miso Walai Homestay	120
4.5.1	Inisiatif <i>MESCOT (Model Ecological Sustainable Community Tourism)</i>	120
4.5.1.1	Motivasi Penyertaan Golongan Belia	122
4.5.2	Perancangan Pembangunan Miso Walai Homestay	123
4.5.2.1	Fasa Kajian	124
4.5.2.2	Fasa Lawatan sambil Belajar	126
4.5.2.3	Program Seminar dan Kursus	128
4.5.2.4	Fasa Perbincangan dan Percambahan Idea (<i>Brainstorming Session</i>)	129
4.5.2.5	Fasa Penyediaan Pelan Pembanguna Pelancongan	130
4.5.3	Peringkat Pelaksanaan Miso Walai Homestay	132
4.5.4	Cabaran Awal Pembangunan Miso Walai Homestay	136
4.6	Pembangunan Keupayaan Diri Individu Ahli Komuniti.	138
4.6.1	Pembinaan Kesedaran Komuniti	139
4.6.2	Pembangunan Pengetahuan menerusi Pendekatan Pembelajaran Informal	141
4.6.3	Pembangunan Kemahiran menerusi Kursus Dalaman (Kursus Berasaskan Manual Lambang)	143
4.6.4	Kursus-Kursus Luar dan Seminar	147

4.6.5	Sijil Kemahiran Pemandu Pelancong	149
4.7	<i>Local Champion</i> Penggerak Awal Pembangunan Miso Walai Homestay	150
4.7.1	Pendedahan Pengalaman Kepimpinan menerusi Jawatan `Ketua Seminggu`	152
4.7.2	Kepelbagaian Jawatan dalam MESCOT	153
4.7.3	Kualiti Kepimpinan PK15	154
4.8	Keupayaan menerusi Koperasi Pelancongan (KOPEL)	156
4.8.1	Pengurusan dan Pentadbiran Pelancongan di bawah KOPEL	158
4.8.2	Peluang Penglibatan Komuniti dalam KOPEL menerusi Fleksibiliti Bentuk Pelaburan	164
4.8.3	Perkembangan Pelancongan di bawah KOPEL	166
4.8.4	KOPEL Menjana Peluang Pekerjaan Komuniti Setempat	170
4.8.5	Peluang Keusahawan menerusi Penubuhan KOPEL	173
4.8.6	Penglibatan Komuniti dalam Kerja-Kerja Konservasi	175
4.9	Keupayaan KOPEL menerusi Kerjasama Strategik dengan Pihak Luar	178
4.9.1	Kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hidupan Liar Sabah	179
4.9.2	Kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (<i>NGO</i>)	182
4.9.3	Kerjasama dengan Universiti Rakuno Gakuen, Hokaido Jepun	184
4.9.4	Kerjasama KOPEL dengan <i>Borneo Conservation Trust Japan (BCT-J)</i>	187

4.9.5	Kerjasama dengan Operator Pelancongan	188
4.10	Keupayaan Modal Sosial	190
4.10.1	Sokongan Komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan	190
4.10.2	Kesatuan dalam Masyarakat	191
4.10.3	Semangat Kerjasama dalam Membangunkan Pelancongan	193
4.10.4	Rasa Sayang dan Kepunyaan (<i>Sense of Ownership</i>)	195
4.11	Pemilihan Kampung Batu Puteh sebagai Desa Lestari Kampung Abad ke 21	198
4.12	Rumusan	199
5	PENGUPAYAAN KOMUNITI DAN KELESTARIAN	
	PELANCONGAN	201
5.1	Pengenalan	201
5.2	Inisiatif <i>NGO</i> Membangunkan Miso Walai Homestay	201
5.3	Pembangunan Miso Walai Homestay: Kejayaan Pendekatan Bawah ke Atas	202
5.3.1	Projek Pelancongan Komuniti perlu Bersifat ' <i>Quick Win</i> '	205
5.4	Pembangunan Keupayaan Komuniti Fokus Utama di Peringkat Perancangan	206
5.4.1	Pengupayaan Diri menerusi Pendekatan Pembelajaran Secara Informal	209
5.4.2	Kursus Berdasarkan Manual Lambang: Satu Pendekatan Kreatif Membangunkan Kemahiran Komuniti	211

5.4.3	Pengiktirafan Kemahiran Berdasarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	213
5.5	<i>Local Champion</i> dan Keupayaan Kepimpinan di Peringkat Komuniti	214
5.5.1	Bantuan Luar dan Implikasi Kebergantungan Komuniti	216
5.6	Pengupayaan Organisasi menerusi Penubuhan Koperasi Pelancongan (KOPEL)	219
5.6.1	KOPEL Menjana Pembangunan Ekonomi Komuniti Setempat	223
5.6.2	KOPEL Pemangkin Pembangunan Keusahawanan dalam Kalangan Komuniti Luar Bandar	225
5.6.3	Penglibatan Komuniti dalam Penjagaan Alam Sekitar berdasarkan Konsep <i>Co-Management</i>	226
5.7	Pengupayaan KOPEL menerusi Kerjasama Strategik	228
5.8	Kepentingan Keupayaan Modal Sosial	230
5.8.1	Kepentingan Rasa Kepunyaan (<i>Sense of Belonging</i>) dalam Kalangan Komuniti	232
5.9	Rumusan	234
6	IMPLIKASI KAJIAN DAN KESIMPULAN	235
6.1	Pengenalan	235
6.2	Implikasi dari Aspek Teori	235
6.2.1	Implikasi Terhadap Amalan	237
6.2.1.1	Kerangka Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti	237
6.2.1.2	Kerangka Pengupayaan Komuniti	240

6.2.1.3 Model <i>Co-Management</i> Komuniti dalam Kawasan Perlindungan	242
6.2.1.4 Koperasi Pelancongan sebagai Model Perniagaan Milik Komuniti	243
6.2.1.5 Saranan kepada Pihak Berkepentingan	244
6.2.2 Refleksi Metodologi Kajian	247
6.3 Limitasi Kajian	248
6.4 Cadangan Kajian Lanjutan	249
6.5 Kesimpulan	250
RUJUKAN	255
Lampiran A - D	289

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Model-Model Penglibatan	43
2.2	Model Penglibatan Leksakundilok	44
2.3	Domain Keupayaan Komuniti	54
3.1	Andaian Paradigma Kuantitatif dan Kualitatif	87
3.2	Senarai Peserta Kajian	93
3.3	Jadual Kerja Lapangan	102
3.4	Senarai Pembentangan Seminar dan Penerbitan	106
4.1	Aktiviti Ekonomi Komuniti Setempat	115
4.2	Statistik Kedatangan Pelancong di Miso Walai Homestay Bagi Tempoh 2000-2001	135
4.3	Kronologi Pembangunan Miso Walai Homestay	136
4.4	Kursus-Kursus di bawah Manual Lambang	144
4.5	Senarai Aktiviti Perniagaan di bawah KOPEL	167
4.6	Statistik Ketibaan dan Malam Menginap Pelancong di KOPEL	168
4.7	Kutipan Hasil daripada Sektor Penginapan KOPEL	168
4.8	Senarai Pengiktirafan yang diterima KOPEL	169
4.9	Peluang Pekerjaan di bawah KOPEL	171
4.10	Jumlah Pokok yang ditanam dan Keluasan Tanah (1999-2010)	177
4.11	Penglibatan Komuniti dalam Kerja Restorasi Tasik	177

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka Konsep Kajian	15
1.2	Carta Alir Penyelidikan	18
2.1	Konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti	33
2.2	Langkah-Langkah dalam Proses Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti	37
2.3	Proses Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti	37
2.4	Model Pembangunan Ekopelancongan	38
2.5	Model Pembangunan Keupayaan Komuniti	62
2.6	Model Pemeraksanaan Komuniti	78
3.1	Peta Lokasi Mukim Batu Puteh	91
3.2	Prosedur Pemilihan Peserta Kajian	94
3.3	Instrumen Pengumpulan Data Kajian	99
3.4	Proses Kutipan Data Menerusi Kerja Lapangan	103
3.5	Proses Analisis Data Kualitatif	104
4.1	Peta Kawasan Kinabatangan	114
4.2	Foto Penglibatan Ahli <i>MESCOT</i> dalam Aktiviti Kajian	126
4.3	Foto Penglibatan Ahli <i>MESCOT</i> dalam Lawatan	128
4.4	Logo Persatuan di Bawah Persatuan Miso Walai Homestay	133
4.5	Contoh Lambang Kursus Berdasarkan Manual Lambang	144
4.6	Struktur Organisasi KOPEL	159
4.7	Foto-Foto Pencapaian KOPEL	170

4.8	Jawatankuasa Projek NAHIYA	185
4.9	Kerangka Kerjasama Strategik KOPEL	189
5.1	Hubungan Pengupayaan dan Pemeraksanaan Diri	209
5.2	Proses Pembelajaran Secara Informal	211
6.1	Kerangka Pembangunan PBK	239
6.2	Kerangka Pengupayaan Komuniti	241
6.3	Model <i>Co-Management</i> Komuniti di Kawasan Perlindungan	242
6.4	KOPEL sebagai Model Perniagaan Milik Komuniti	243

SENARAI SINGKATAN

ALK	-	Ahli Lembaga Koperasi
INFRA	-	Institut Kemajuan Desa
IUCN	-	<i>International Union for Conservation of Nature</i>
JHLS	-	Jabatan Hidupan Liar Sabah
JKKK	-	Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung
JPS	-	Jabatan Perhutanan Sabah
KBML	-	Kursus Berasaskan Manual Lambang
KKLW	-	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KOPEL	-	Koperasi Pelancongan
LEAP	-	<i>Land Empowerment Animals People</i>
LKWS	-	<i>Lower Kibantangan Wildlife Sanctuary</i>
LMAT	-	Laporan Mesyuarat Agong Tahunan
MESCOT	-	<i>Model Ecological Sustainable Community Tourism</i>
MOTAC	-	<i>Ministry of Tourism And Culture</i>
NGO	-	<i>Non Government Organization</i> (Badan Bukan Kerajaan)
PBK	-	Pelancongan Berasaskan Komuniti
PK	-	Peserta Kajian
SKM	-	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
TPS	-	Teori Pertukaran Sosial
TREC	-	<i>Tungog Rainforest Eco Camp</i>
UNDP	-	<i>United Nations Development Programme</i>
UNWTO	-	<i>United Nations World Tourism Organization</i>
URG	-	Universiti Rakuno Gakuen
WWFM	-	<i>World Wildlife Fund Malaysia</i>
WWFN	-	<i>World Wildlife Fund Norway</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Contoh Pengesahan Transkrip Temubual	289
B	Contoh Transkrip Temu bual	290
C	Profil Peserta Kajian	311
D	Dokumen Bergambar Berkaitan Kajian	315

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Industri pelancongan sedang berkembang pesat dan merupakan antara penyumbang terpenting kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara (*UNWTO*, 2007; Davis dan Morais, 2004; McCool *et al.*, 2001). Di kebanyakan negara membangun pelancongan dijadikan sebagai strategi pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar (Forstner, 2004; Hall dan Jenkins, 1998). Industri pelancongan berperanan dalam menjana peluang pekerjaan serta menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur di peringkat komuniti luar bandar. Perkembangan pelancongan turut menyumbang kepada pengurangan masalah penghijrahan belia ke bandar-bandar (*UNWTO*, 2007).

Secara khususnya di Malaysia, industri pelancongan menjadi salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area-NKEA*) dan merupakan antara penyumbang terpenting kepada Pendapatan Negara. Sebagai contoh pada tahun 2011, industri pelancongan telah menjana pendapatan negara sebanyak USD 12.3 billion dan merupakan penyumbang ketiga dalam kadar pertukaran asing selepas perkilangan dan minyak sawit mentah. Pada tahun 2010 sahaja sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan berjaya dijana oleh industri pelancongan (*UNWTO*, 2012).

Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan oleh pihak kerajaan menerusi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (*MOTAC*) untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong termasuklah melalui penjenamaan Malaysia menerusi slogan atau *tag line* “*Malaysia : Truly Asia*”, mempelbagaikan lagi produk pelancongan sedia ada termasuklah menganjurkan acara-acara di peringkat antarabangsa seperti “*1Malaysia International Shoe Festival*”, “*1Malaysia International Tourism Exchange*”, “*1Malaysia Contemporary Art Touris*” dan yang terbaru ialah “*1Malaysia International Tourism Night Floral Parade*”. Selain daripada itu kemudahan-kemudahan pelancongan turut dipertingkatkan dari semasa ke semasa termasuklah penambahan rangkaian pengangkutan udara dan kekerapan penerbangan ke negara-negara yang menjadi sasaran pelancong seperti negara China, India, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Hasilnya industri pelancongan di Malaysia terus berkembang dengan peningkatan jumlah bilangan kedatangan pelancong dan penerimaan hasil dari tahun ke tahun. Merujuk kepada Laporan Tahunan Malaysia (*UNWTO*, 2012) menunjukkan jumlah kedatangan pelancong telah meningkat daripada 24.7 juta orang pelancong pada tahun 2011 kepada 25.03 juta orang pada tahun 2012. Perubahan jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus. Dari segi kutipan hasil pula menunjukkan peningkatan sebanyak 3.9 peratus pada tahun 2012 iaitu daripada RM 58.3 billion pada tahun 2011 kepada RM 60.6 bilion pada tahun 2012. Berdasarkan perkembangan tersebut membolehkan Malaysia berada di tangga kesembilan dalam kalangan ketibaan pelancong dan di tangga ke-13 dari segi penerimaan hasil. Melihat perkembangan semasa, *MOTAC* begitu optimis untuk mencapai sasaran 36 juta orang ketibaan pelancong dengan anggaran jumlah kutipan hasil sebanyak RM 168 bilion menjelang tahun 2020 (*UNWTO*, 2012).

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan teori-teori pembangunan yang bermula dengan teori modenisasi hinggalah kepada teori pembangunan alternatif memberi implikasi

kepada kemunculan konsep pelancongan alternatif. Di bawah konsep pelancongan alternatif, pembangunan yang dilaksanakan adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip pembangunan lestari. Menurut *World Commission on Environment and Development (WCED, 1987)* konsep pembangunan lestari adalah merujuk kepada pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan atau mengorbankan keperluan generasi pada masa hadapan. Konsep ini mula diberi perhatian oleh dunia menerusi penerbitan Strategi Konservasi Dunia pada tahun 1980 (*World Conservation Strategy*) oleh *International Union for Conservation of Nature (IUCN)*. Seterusnya *IUCN* telah menggariskan empat strategi yang menjadi fokus dalam pembangunan iaitu kelestarian ekologi, kelestarian ekonomi, kelestarian sosial dan kelestarian budaya.

Medlik (1993) telah mengemukakan satu definisi yang jelas tentang konsep pelancongan alternatif. Menurut Medlik (1993) konsep pelancongan alternatif adalah merujuk kepada apa jua aktiviti atau bentuk pelancongan yang menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan juga pengekalan nilai-nilai budaya setempat. Sehubungan dengan itu dalam pembangunan pelancongan alternatif aspek keperluan pelancong, kepentingan alam sekitar dan komuniti setempat merupakan elemen-elemen penting yang perlu diberi perhatian. Berdasarkan kerangka definisi yang diberikan oleh Medlik (1993), pelancongan alternatif seringkali dikaitkan dengan eko-pelancongan yang kebiasaannya melibatkan kawasan luar bandar. Hal ini demikian kerana ekopelancongan adalah berkait rapat dengan alam semulajadi dan budaya setempat.

Peningkatan kesedaran tentang pentingnya penjagaan alam semulajadi, menjadikan pelancongan alternatif ini semakin diberi perhatian di peringkat dunia. Isu berkaitan faedah yang dinikmati oleh komuniti setempat daripada pembangunan pelancongan menjadikan pelancongan ini semakin mendapat perhatian dunia. Ini terbukti menerusi deklarasi di dalam Agenda 21, melibatkan 182 negara Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1992 yang menekankan penglibatan serta manfaat komuniti setempat dalam pembangunan pelancongan (Jackson, 1999). Salah satu bentuk pelancongan alternatif yang semakin popular ialah Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK).

Perbincangan tentang konsep PBK ini mula diperkatakan oleh Murphy (1985) iaitu menerusi kajiannya yang mempunyai kaitan antara pelancongan dan pembangunan komuniti. Bermula dengan kajian tersebut, konsep ini terus diberikan perhatian dan menjadi antara fokus penting dalam kalangan para pengkaji. Terdapat pelbagai definisi yang menerangkan konsep PBK ini. Penglibatan dan faedah komuniti setempat sama ada dari sudut ekonomi, sosial dan alam semulajadi merupakan teras dalam kebanyakan definisi tersebut (Harrison dan Schipani, 2007; Briedenhann dan Wickens, 2004; WWF, 2001; Hall, 2000; Murphy, 1985; REST, 1997; Brohman, 1996). Goodwin dan Santilli (2009) telah memberi definisi PBK ini sebagai pelancongan yang dibangun, diurus dan dikawal oleh komuniti setempat. Definisi ini telah dijadikan kerangka rujukan dalam kebanyakan kajian berkaitan PBK.

PBK telah diiktiraf oleh kebanyakan negara membangun sebagai pemangkin kepada pembangunan komuniti luar bandar (Mitchell dan Ashley 2010; Hawkins dan Mann, 2007; Hiwasaki, 2006; Nyaupane *et al.*, 2006; Hall, 2000). Kepentingan sumbangan pelancongan ini dalam membangunkan sosioekonomi telah diperkatakan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini (Ashley *et al.*, 2000; Harrison dan Schipani, 2007; Scheyvens, 2007). Berdasarkan kepentingan di atas, kebanyakan Badan Bukan Kerajaan (*NGO*) dan agensi-agensi pembangunan dunia menjadikan PBK ini sebagai strategi serampang dua mata yang bermatlamat untuk pembangunan ekonomi dan juga konservasi. Begitu juga di negara-negara membangun, PBK dijadikan sebagai strategi pembangunan oleh pihak kerajaan untuk membangunkan komuniti di kawasan luar bandar. Hal ini demikian kerana pembangunan PBK tidak memerlukan pelaburan yang besar di samping mudah untuk dilaksanakan (MacDonald dan Lee, 2003; Sharpley, 2002).

Di Malaysia, pembangunan PBK diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan dan dijadikan sebagai strategi untuk membangunkan komuniti luar bandar. *MOTAC* dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) merupakan antara kementerian yang bertanggungjawab secara langsung dalam membantu komuniti membangunkan PBK ini. Agenda transformasi negara, iaitu menjadikan

Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 turut menjadikan bidang pelancongan sebagai salah satu bidang keberhasilan negara yang mampu menjana peluang-peluang ekonomi komuniti termasuklah di kawasan luar bandar. Salah satu program yang giat dipromosikan oleh *MOTAC* di bawah PBK ini ialah program homestay yang mula dilancarkan pada tahun 1995 menerusi homestay Kampung Desa Murni Pahang. Program ini terus berkembang dari tahun ke tahun sehinggalah pada tahun 2009 terdapat sebanyak 139 homestay telah berdaftar dengan *MOTAC* yang melibatkan sebanyak 226 buah kampung dengan jumlah penyertaan 3005 buah rumah (Young, 2009).

Komitmen kerajaan Malaysia dalam membangunkan komuniti luar bandar menerusi pelancongan jenis ini jelas dapat dilihat menerusi pelancaran Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) pada tahun 2012. Dalam PIPLB, pelancongan dijadikan antara strategi penting dalam menjana peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti luar bandar khususnya ke arah mencapai matlamat PIPLB iaitu merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar. Selain itu, komitmen kerajaan turut dapat dibuktikan menerusi peruntukan sebanyak RM40 juta kepada *MOTAC* menerusi Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK 9) untuk tujuan pembangunan pelancongan termasuklah di kawasan luar bandar di samping sebanyak RM 10 juta disalurkan untuk tujuan tersebut menerusi Pakej Kedua Rangsangan Ekonomi (Young, 2009).

1.3 Pernyataan Masalah

Secara teorinya memang diakui pelancongan alternatif seperti PBK memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti terutamanya di kawasan luar bandar (Hiwasaki, 2006; Nyaupane *et al.*, 2006; Hall, 2000). Namun begitu berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan kebanyakan projek pelancongan komuniti sama ada yang diinisiatifkan oleh *NGO* atau pihak kerajaan tidak berdaya saing dan mempunyai tempoh jangka hayat yang pendek (Harrison dan Schipani, 2007). Projek-projek pelancongan komuniti yang dikatakan berjaya itu pun

sebenarnya hanyalah menyumbang pada tahap sederhana sahaja terutamanya dari sudut impak pembangunan ekonomi komuniti setempat (Ashley dan Goodwin, 2007; Butler & Hinch, 2007). Hal ini dibuktikan menerusi hasil kajian yang dijalankan oleh Goodwin dan Santilli (2009) ke atas 15 projek pelancongan komuniti yang melibatkan negara-negara di Asia, Afrika dan Amerika. Daripada jumlah projek tersebut hanya lima projek yang dikatakan berjaya berdasarkan kriteria kemampuan mengurus tadbir, pemilikan dan impak ekonomi kepada komuniti setempat.

Kebergantungan komuniti kepada pihak luar sama ada kepada *NGO* atau kerajaan dalam tempoh yang panjang merupakan antara pemasalahan yang dihadapi oleh komuniti yang terlibat dalam projek PBK. Kajian-kajian sebelum ini membuktikan terdapat projek-projek pelancongan komuniti yang 'mati' atau terkubur setelah berakhirnya bantuan daripada pihak luar (Mitchell dan Muskoy, 2008; Blackstock, 2005; Kiss, 2004). Hasil kajian yang dijalankan oleh Goodwin dan Santilli (2009) telah membuktikan masalah yang dinyatakan di atas, di mana sembilan daripada 15 projek pelancongan komuniti yang dikaji masih bergantung pada bantuan *NGO* dan agensi luar walaupun projek-projek tersebut telah beroperasi lebih daripada lima tahun. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Nor Ashikin Mohd dan Nor Kalsom Kayat (2010) ke atas program homestay di Malaysia turut membuktikan bahawa komuniti tidak mampu bergerak secara bersendirian tanpa bantuan daripada pihak kerajaan. Sikap bergantung pada subsidi kerajaan masih tinggi, malahan terdapat dalam kalangan komuniti yang terlibat dalam program homestay tersebut semata-mata untuk mendapatkan subsidi kerajaan. Seterusnya, Amran Hamzah dan Zainab Khalifah (2009) menggunakan istilah '*handout mentality*' bagi menggambarkan kesan kebergantungan komuniti kepada pihak luar yang sering kali menjadi penghalang kepada kejayaan pembangunan pelancongan komuniti seperti PBK ini. Masalah kebergantungan komuniti ini dilihat sebagai hasil daripada kegagalan *NGO* atau pihak kerajaan membangunkan keupayaan komuniti semasa tempoh bantuan diberikan sebagai persediaan untuk membolehkan komuniti berdikari setelah berakhirnya bantuan dari luar (AUSAID, 2006).

Keputusan komponen modal insan yang merangkumi aspek kesedaran, pengetahuan dan kemahiran dalam memastikan keberkesanan pembangunan projek

pelancongan komuniti seperti PBK telah dinyatakan oleh Aref *et al.* (2010) dan Moscardo (2008). Ketidakupayaan modal insan bukan sahaja menyebabkan timbulnya masalah kebergantungan komuniti setempat tetapi juga menghadkan penglibatan mereka dalam pembangunan pelancongan (Scheyvens, 2007; Telfer dan Sharpley, 2008). Hal ini demikian kerana menurut Hall (2005) pengetahuan pelancongan yang dimiliki oleh ahli komuniti membolehkan mereka meramal serta merebut peluang-peluang yang wujud daripada pembangunan pelancongan. Isu keterbatasan pengetahuan dalam kalangan komuniti luar bandar merupakan sesuatu yang biasa kerana mereka tidak mempunyai banyak peluang untuk mengakses pendidikan formal berbanding mereka yang tinggal di kawasan bandar.

Penglibatan dan kawalan komuniti setempat dalam pembangunan pelancongan merupakan dua elemen penting dalam memastikan keberkesanan pembangunan PBK (Mitchell dan Asley, 2010; Scheyvens, 2002; Mann, 2001), malahan elemen-elemen tersebut dijadikan antara indikator dalam menilai kejayaan pembangunan pelancongan (Nyaupane *et al.*, 2006; Scheyven, 1999). Ini kerana penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan bukan sahaja memberikan impak positif dari aspek ekonomi tetapi juga membina rasa kepunyaan dalam diri kalangan ahli komuniti terhadap projek pelancongan. Kajian yang dijalankan oleh Laverack (2007) ke atas projek eko-pelancongan di Thailand membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara keupayaan dan penglibatan komuniti sama ada di peringkat perancangan mahu pun di peringkat pelaksanaan. Berdasarkan kepentingan tersebut, Blackstock (2005) secara lantang telah mengkritik tentang projek-projek pembangunan pelancongan yang terlalu memfokuskan kepada pembangunan produk pelancongan sebagai matlamat akhir berbanding proses pembangunan kemampuan komuniti.

Selain isu-isu yang dibangkitkan di atas, aspek keupayaan struktur di peringkat komuniti dalam mengurus tadbir aktiviti pelancongan dilihat sebagai satu lagi komponen penting dalam menentukan kelestarian pembangunan pelancongan (Murphy dan Murphy, 2004). Kewujudan organisasi berbentuk perniagaan merupakan sesuatu yang kritikal dalam membolehkan PBK berdaya saing terutamanya apabila inisiatif pelancongan berada di peringkat matang (Manyara *et*

al.,2006; Butler,1980). Penglibatan golongan profesional pada peringkat matang adalah penentu kepada kesinambungan pembangunan PBK (Amran Hamzah dan Zainab Khalifah, 2009). Kekurangan perancangan strategik, masalah pengurusan, kelemahan strategi perniagaan dan sebagainya sering kali dikaitkan dengan keupayaan organisasi di peringkat komuniti (Rosazman, 2006; Jenkin dan Parrot, 1997). Begitu juga dengan ketidakupayaan kepimpinan dalam kalangan ahli komuniti untuk menggerakkan organisasi pelancongan di peringkat komuniti merupakan satu lagi masalah yang membataskan pembangunan PBK. Kajian yang dijalankan oleh Kalsom Kayat (2011) ke atas beberapa program homestay di Malaysia membuktikan keperluan kepada organisasi perniagaan dalam mengurus tadbir aktiviti homestay secara lestari. Kajian ini turut mendapati program homestay tidak sesuai diletakkan di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebaliknya memerlukan sebuah entiti perniagaan bagi membolehkan strategi-strategi perniagaan dilaksanakan.

Selain keupayaan struktur seperti yang dibincangkan di atas, komponen modal sosial yang merangkumi aspek sokongan komuniti, rasa kepunyaan, semangat kemasyarakatan dan keakraban hubungan ahli komuniti merupakan keupayaan komuniti yang menyumbang kepada kelestarian pembangunan PBK (Ecclestone, 2003; Harpham *et al.*,2002). Kesatuan yang wujud dalam komuniti membolehkan pelaksanaan PBK lebih mudah. Sebaliknya konflik yang wujud dalam komuniti menyukarkan usaha membangunkan projek pelancongan komuniti (Jeong, 2008; Jones, 2005; Taylor, 1995). Kepentingan komponen keupayaan modal sosial dalam pembangunan projek yang melibatkan komuniti termasuklah pelancongan turut diperkatakan oleh Pretty dan Ward (2001). Kajian yang dijalankan oleh Jones (2005) menunjukkan keakraban hubungan dan kesatuan dalam komuniti menyumbang kepada sokongan komuniti terhadap aktiviti penjagaan alam sekitar dan pembangunan projek eko- pelancongan. Begitu juga dengan kajian Moscardo (2008) mendapati keupayaan modal sosial merupakan sesuatu yang kritikal dalam pembangunan PBK kerana projek tersebut adalah berlandaskan kepada sokongan dan kerjasama ahli komuniti.

Berdasarkan pemasalahan-pemasalahan yang dinyatakan di atas, kajian kes berbentuk kualitatif ini dijalankan untuk membolehkan pengkaji meneroka dan memahami secara mendalam proses pembangunan PBK dari aspek pengupayaan komuniti. Kepentingan keupayaan komuniti dalam pembangunan PBK tidak dapat dinafikan seperti mana yang telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Aref *et al.*,2010; Moscardo 2008; Ohiorhenuan dan Wunker, 1995, Slater *et al.*,2005). Walau bagaimanapun kajian berkaitannya masih kurang dijalankan dalam bidang pelancongan berbanding dengan bidang-bidang yang lain seperti kesihatan, pertanian dan pendidikan (Smyth, 2009; Moscardo, 2008; Laverack, 2006). Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan bagi memenuhi jurang kajian yang wujud, sekaligus bakal menyumbang kepada pengayaan ilmu dalam bidang pelancongan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian kes ini adalah untuk meneroka dan memahami secara mendalam proses pembangunan PBK iaitu Miso Walai Homestay dari aspek pengupayaan komuniti yang melibatkan tiga komponen utama iaitu pengupayaan individu, pengupayaan organisasi dan pengupayaan modal sosial.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan asas kepada penerokaan kajian yang dijalankan. Lazimnya dalam kajian yang berbentuk kualitatif, persoalan-persoalan kajian yang dibangunkan adalah bersifat umum dan fleksibel sebagai panduan bertujuan untuk meneroka bagi mendapat kefahaman mendalam terhadap sesuatu proses selaras dengan ciri reka bentuk kajian kualitatif yang bersifat induktif (Othman Lebar, 2006; Marshall dan Rossman, 2006). Persoalan-persoalan kajian yang dibangunkan adalah seperti yang berikut :

- a) Bagaimana bermulanya inisiatif pembangunan Miso Walai Homestay?
- b) Bagaimana proses pembangunan Miso Walai Homestay?
 - i. Bagaimana perancangan pembangunan Miso Walai Homestay dibuat?
- c) Bagaimana proses pengupayaan diri ahli komuniti dibangunkan bagi keperluan pembangunan Miso Walai Homestay?
 - i. Bagaimana kesedaran komuniti dibina?
 - ii. Bagaimana pengetahuan dan kemahiran ahli komuniti dibangunkan ?
 - iii. Bagaimana keupayaan kepimpinan atau kewujudan *local champion*?
- d) Bagaimana keupayaan organisasi di peringkat komuniti dalam mengurus tadbir pembangunan Miso Walai Homestay?
 - i. Apakah bentuk organisasi yang ditubuhkan di peringkat komuniti?
 - ii. Bagaimana pengurusan dan pentadbiran pelancongan di bawah organisasi yang ditubuhkan?
 - iii. Sejauhmana organisasi tersebut memberi peluang penglibatan kepada komuniti setempat?
 - iv. Sejauhmana pelancongan berkembang di bawah organisasi tersebut?
 - v. Sejauhmana penubuhan organisasi pelancongan menyumbang kepada pemerksaan komuniti terutamanya dari aspek ekonomi dan penjagaan alam semula jadi?
- e) Bagaimana kerjasama komuniti dengan pihak luar dalam membangunkan Miso Walai Homestay?
- f) Bagaimana keupayaan modal sosial komuniti dalam membangunkan Miso Walai Homestay?

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Industri pelancongan sedang berkembang pesat dan merupakan antara penyumbang terpenting kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara (*UNWTO*, 2007; Davis dan Morais, 2004; McCool *et al.*, 2001). Di kebanyakan negara membangun pelancongan dijadikan sebagai strategi pembangunan terutamanya di kawasan luar bandar (Forstner, 2004; Hall dan Jenkins, 1998). Industri pelancongan berperanan dalam menjana peluang pekerjaan serta menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur di peringkat komuniti luar bandar. Perkembangan pelancongan turut menyumbang kepada pengurangan masalah penghijrahan belia ke bandar-bandar (*UNWTO*, 2007).

Secara khususnya di Malaysia, industri pelancongan menjadi salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area-NKEA*) dan merupakan antara penyumbang terpenting kepada Pendapatan Negara. Sebagai contoh pada tahun 2011, industri pelancongan telah menjana pendapatan negara sebanyak USD 12.3 billion dan merupakan penyumbang ketiga dalam kadar pertukaran asing selepas perkilangan dan minyak sawit mentah. Pada tahun 2010 sahaja sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan berjaya dijana oleh industri pelancongan (*UNWTO*, 2012).

Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan oleh pihak kerajaan menerusi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (*MOTAC*) untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong termasuklah melalui penjenamaan Malaysia menerusi slogan atau *tag line* “*Malaysia : Truly Asia*”, mempelbagaikan lagi produk pelancongan sedia ada termasuklah menganjurkan acara-acara di peringkat antarabangsa seperti “*1Malaysia International Shoe Festival*”, “*1Malaysia International Tourism Exchange*”, “*1Malaysia Contemporary Art Touris*” dan yang terbaru ialah “*1Malaysia International Tourism Night Floral Parade*”. Selain daripada itu kemudahan-kemudahan pelancongan turut dipertingkatkan dari semasa ke semasa termasuklah penambahan rangkaian pengangkutan udara dan kekerapan penerbangan ke negara-negara yang menjadi sasaran pelancong seperti negara China, India, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Hasilnya industri pelancongan di Malaysia terus berkembang dengan peningkatan jumlah bilangan kedatangan pelancong dan penerimaan hasil dari tahun ke tahun. Merujuk kepada Laporan Tahunan Malaysia (*UNWTO*, 2012) menunjukkan jumlah kedatangan pelancong telah meningkat daripada 24.7 juta orang pelancong pada tahun 2011 kepada 25.03 juta orang pada tahun 2012. Perubahan jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus. Dari segi kutipan hasil pula menunjukkan peningkatan sebanyak 3.9 peratus pada tahun 2012 iaitu daripada RM 58.3 billion pada tahun 2011 kepada RM 60.6 bilion pada tahun 2012. Berdasarkan perkembangan tersebut membolehkan Malaysia berada di tangga kesembilan dalam kalangan ketibaan pelancong dan di tangga ke-13 dari segi penerimaan hasil. Melihat perkembangan semasa, *MOTAC* begitu optimis untuk mencapai sasaran 36 juta orang ketibaan pelancong dengan anggaran jumlah kutipan hasil sebanyak RM 168 bilion menjelang tahun 2020 (*UNWTO*, 2012).

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan teori-teori pembangunan yang bermula dengan teori modenisasi hinggalah kepada teori pembangunan alternatif memberi implikasi

kepada kemunculan konsep pelancongan alternatif. Di bawah konsep pelancongan alternatif, pembangunan yang dilaksanakan adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip pembangunan lestari. Menurut *World Commission on Environment and Development (WCED, 1987)* konsep pembangunan lestari adalah merujuk kepada pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan atau mengorbankan keperluan generasi pada masa hadapan. Konsep ini mula diberi perhatian oleh dunia menerusi penerbitan Strategi Konservasi Dunia pada tahun 1980 (*World Conservation Strategy*) oleh *International Union for Conservation of Nature (IUCN)*. Seterusnya *IUCN* telah menggariskan empat strategi yang menjadi fokus dalam pembangunan iaitu kelestarian ekologi, kelestarian ekonomi, kelestarian sosial dan kelestarian budaya.

Medlik (1993) telah mengemukakan satu definisi yang jelas tentang konsep pelancongan alternatif. Menurut Medlik (1993) konsep pelancongan alternatif adalah merujuk kepada apa jua aktiviti atau bentuk pelancongan yang menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan juga pengekalan nilai-nilai budaya setempat. Sehubungan dengan itu dalam pembangunan pelancongan alternatif aspek keperluan pelancong, kepentingan alam sekitar dan komuniti setempat merupakan elemen-elemen penting yang perlu diberi perhatian. Berdasarkan kerangka definisi yang diberikan oleh Medlik (1993), pelancongan alternatif seringkali dikaitkan dengan eko-pelancongan yang kebiasaannya melibatkan kawasan luar bandar. Hal ini demikian kerana ekopelancongan adalah berkait rapat dengan alam semulajadi dan budaya setempat.

Peningkatan kesedaran tentang pentingnya penjagaan alam semulajadi, menjadikan pelancongan alternatif ini semakin diberi perhatian di peringkat dunia. Isu berkaitan faedah yang dinikmati oleh komuniti setempat daripada pembangunan pelancongan menjadikan pelancongan ini semakin mendapat perhatian dunia. Ini terbukti menerusi deklarasi di dalam Agenda 21, melibatkan 182 negara Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1992 yang menekankan penglibatan serta manfaat komuniti setempat dalam pembangunan pelancongan (Jackson, 1999). Salah satu bentuk pelancongan alternatif yang semakin popular ialah Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK).

Perbincangan tentang konsep PBK ini mula diperkatakan oleh Murphy (1985) iaitu menerusi kajiannya yang mempunyai kaitan antara pelancongan dan pembangunan komuniti. Bermula dengan kajian tersebut, konsep ini terus diberikan perhatian dan menjadi antara fokus penting dalam kalangan para pengkaji. Terdapat pelbagai definisi yang menerangkan konsep PBK ini. Penglibatan dan faedah komuniti setempat sama ada dari sudut ekonomi, sosial dan alam semulajadi merupakan teras dalam kebanyakan definisi tersebut (Harrison dan Schipani, 2007; Briedenhann dan Wickens, 2004; WWF, 2001; Hall, 2000; Murphy, 1985; REST, 1997; Brohman, 1996). Goodwin dan Santilli (2009) telah memberi definisi PBK ini sebagai pelancongan yang dibangun, diurus dan dikawal oleh komuniti setempat. Definisi ini telah dijadikan kerangka rujukan dalam kebanyakan kajian berkaitan PBK.

PBK telah diiktiraf oleh kebanyakan negara membangun sebagai pemangkin kepada pembangunan komuniti luar bandar (Mitchell dan Ashley 2010; Hawkins dan Mann, 2007; Hiwasaki, 2006; Nyaupane *et al.*, 2006; Hall, 2000). Kepentingan sumbangan pelancongan ini dalam membangunkan sosioekonomi telah diperkatakan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini (Ashley *et al.*, 2000; Harrison dan Schipani, 2007; Scheyvens, 2007). Berdasarkan kepentingan di atas, kebanyakan Badan Bukan Kerajaan (*NGO*) dan agensi-agensi pembangunan dunia menjadikan PBK ini sebagai strategi serampang dua mata yang bermatlamat untuk pembangunan ekonomi dan juga konservasi. Begitu juga di negara-negara membangun, PBK dijadikan sebagai strategi pembangunan oleh pihak kerajaan untuk membangunkan komuniti di kawasan luar bandar. Hal ini demikian kerana pembangunan PBK tidak memerlukan pelaburan yang besar di samping mudah untuk dilaksanakan (MacDonald dan Lee, 2003; Sharpley, 2002).

Di Malaysia, pembangunan PBK diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan dan dijadikan sebagai strategi untuk membangunkan komuniti luar bandar. *MOTAC* dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) merupakan antara kementerian yang bertanggungjawab secara langsung dalam membantu komuniti membangunkan PBK ini. Agenda transformasi negara, iaitu menjadikan

Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 turut menjadikan bidang pelancongan sebagai salah satu bidang keberhasilan negara yang mampu menjana peluang-peluang ekonomi komuniti termasuklah di kawasan luar bandar. Salah satu program yang giat dipromosikan oleh *MOTAC* di bawah PBK ini ialah program homestay yang mula dilancarkan pada tahun 1995 menerusi homestay Kampung Desa Murni Pahang. Program ini terus berkembang dari tahun ke tahun sehinggalah pada tahun 2009 terdapat sebanyak 139 homestay telah berdaftar dengan *MOTAC* yang melibatkan sebanyak 226 buah kampung dengan jumlah penyertaan 3005 buah rumah (Young, 2009).

Komitmen kerajaan Malaysia dalam membangunkan komuniti luar bandar menerusi pelancongan jenis ini jelas dapat dilihat menerusi pelancaran Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) pada tahun 2012. Dalam PIPLB, pelancongan dijadikan antara strategi penting dalam menjana peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti luar bandar khususnya ke arah mencapai matlamat PIPLB iaitu merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar. Selain itu, komitmen kerajaan turut dapat dibuktikan menerusi peruntukan sebanyak RM40 juta kepada *MOTAC* menerusi Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK 9) untuk tujuan pembangunan pelancongan termasuklah di kawasan luar bandar di samping sebanyak RM 10 juta disalurkan untuk tujuan tersebut menerusi Pakej Kedua Rangsangan Ekonomi (Young, 2009).

1.3 Pernyataan Masalah

Secara teorinya memang diakui pelancongan alternatif seperti PBK memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti terutamanya di kawasan luar bandar (Hiwasaki, 2006; Nyaupane *et al.*, 2006; Hall, 2000). Namun begitu berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan kebanyakan projek pelancongan komuniti sama ada yang diinisiatifkan oleh *NGO* atau pihak kerajaan tidak berdaya saing dan mempunyai tempoh jangka hayat yang pendek (Harrison dan Schipani, 2007). Projek-projek pelancongan komuniti yang dikatakan berjaya itu pun

sebenarnya hanyalah menyumbang pada tahap sederhana sahaja terutamanya dari sudut impak pembangunan ekonomi komuniti setempat (Ashley dan Goodwin, 2007; Butler & Hinch, 2007). Hal ini dibuktikan menerusi hasil kajian yang dijalankan oleh Goodwin dan Santilli (2009) ke atas 15 projek pelancongan komuniti yang melibatkan negara-negara di Asia, Afrika dan Amerika. Daripada jumlah projek tersebut hanya lima projek yang dikatakan berjaya berdasarkan kriteria kemampuan mengurus tadbir, pemilikan dan impak ekonomi kepada komuniti setempat.

Kebergantungan komuniti kepada pihak luar sama ada kepada *NGO* atau kerajaan dalam tempoh yang panjang merupakan antara pemasalahan yang dihadapi oleh komuniti yang terlibat dalam projek PBK. Kajian-kajian sebelum ini membuktikan terdapat projek-projek pelancongan komuniti yang 'mati' atau berkubur setelah berakhirnya bantuan daripada pihak luar (Mitchell dan Muskoy, 2008; Blackstock, 2005; Kiss, 2004). Hasil kajian yang dijalankan oleh Goodwin dan Santilli (2009) telah membuktikan masalah yang dinyatakan di atas, di mana sembilan daripada 15 projek pelancongan komuniti yang dikaji masih bergantung pada bantuan *NGO* dan agensi luar walaupun projek-projek tersebut telah beroperasi lebih daripada lima tahun. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Nor Ashikin Mohd dan Nor Kalsom Kayat (2010) ke atas program homestay di Malaysia turut membuktikan bahawa komuniti tidak mampu bergerak secara bersendirian tanpa bantuan daripada pihak kerajaan. Sikap bergantung pada subsidi kerajaan masih tinggi, malahan terdapat dalam kalangan komuniti yang terlibat dalam program homestay tersebut semata-mata untuk mendapatkan subsidi kerajaan. Seterusnya, Amran Hamzah dan Zainab Khalifah (2009) menggunakan istilah '*handout mentality*' bagi menggambarkan kesan kebergantungan komuniti kepada pihak luar yang sering kali menjadi penghalang kepada kejayaan pembangunan pelancongan komuniti seperti PBK ini. Masalah kebergantungan komuniti ini dilihat sebagai hasil daripada kegagalan *NGO* atau pihak kerajaan membangunkan keupayaan komuniti semasa tempoh bantuan diberikan sebagai persediaan untuk membolehkan komuniti berdikari setelah berakhirnya bantuan dari luar (AUSAID, 2006).

Keputusan komponen modal insan yang merangkumi aspek kesedaran, pengetahuan dan kemahiran dalam memastikan keberkesanan pembangunan projek

pelancongan komuniti seperti PBK telah dinyatakan oleh Aref *et al.* (2010) dan Moscardo (2008). Ketidakupayaan modal insan bukan sahaja menyebabkan timbulnya masalah kebergantungan komuniti setempat tetapi juga menghadkan penglibatan mereka dalam pembangunan pelancongan (Scheyvens, 2007; Telfer dan Sharpley, 2008). Hal ini demikian kerana menurut Hall (2005) pengetahuan pelancongan yang dimiliki oleh ahli komuniti membolehkan mereka meramal serta merebut peluang-peluang yang wujud daripada pembangunan pelancongan. Isu keterbatasan pengetahuan dalam kalangan komuniti luar bandar merupakan sesuatu yang biasa kerana mereka tidak mempunyai banyak peluang untuk mengakses pendidikan formal berbanding mereka yang tinggal di kawasan bandar.

Penglibatan dan kawalan komuniti setempat dalam pembangunan pelancongan merupakan dua elemen penting dalam memastikan keberkesanan pembangunan PBK (Mitchell dan Asley, 2010; Scheyvens, 2002; Mann, 2001), malahan elemen-elemen tersebut dijadikan antara indikator dalam menilai kejayaan pembangunan pelancongan (Nyaupane *et al.*, 2006; Scheyven, 1999). Ini kerana penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan bukan sahaja memberikan impak positif dari aspek ekonomi tetapi juga membina rasa kepunyaan dalam diri kalangan ahli komuniti terhadap projek pelancongan. Kajian yang dijalankan oleh Laverack (2007) ke atas projek eko-pelancongan di Thailand membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara keupayaan dan penglibatan komuniti sama ada di peringkat perancangan mahu pun di peringkat pelaksanaan. Berdasarkan kepentingan tersebut, Blackstock (2005) secara lantang telah mengkritik tentang projek-projek pembangunan pelancongan yang terlalu memfokuskan kepada pembangunan produk pelancongan sebagai matlamat akhir berbanding proses pembangunan kemampuan komuniti.

Selain isu-isu yang dibangkitkan di atas, aspek keupayaan struktur di peringkat komuniti dalam mengurus tadbir aktiviti pelancongan dilihat sebagai satu lagi komponen penting dalam menentukan kelestarian pembangunan pelancongan (Murphy dan Murphy, 2004). Kewujudan organisasi berbentuk perniagaan merupakan sesuatu yang kritikal dalam membolehkan PBK berdaya saing terutamanya apabila inisiatif pelancongan berada di peringkat matang (Manyara *et*

al.,2006; Butler,1980). Penglibatan golongan profesional pada peringkat matang adalah penentu kepada kesinambungan pembangunan PBK (Amran Hamzah dan Zainab Khalifah, 2009). Kekurangan perancangan strategik, masalah pengurusan, kelemahan strategi perniagaan dan sebagainya sering kali dikaitkan dengan keupayaan organisasi di peringkat komuniti (Rosazman, 2006; Jenkin dan Parrot, 1997). Begitu juga dengan ketidakupayaan kepimpinan dalam kalangan ahli komuniti untuk menggerakkan organisasi pelancongan di peringkat komuniti merupakan satu lagi masalah yang membataskan pembangunan PBK. Kajian yang dijalankan oleh Kalsom Kayat (2011) ke atas beberapa program homestay di Malaysia membuktikan keperluan kepada organisasi perniagaan dalam mengurus tadbir aktiviti homestay secara lestari. Kajian ini turut mendapati program homestay tidak sesuai diletakkan di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebaliknya memerlukan sebuah entiti perniagaan bagi membolehkan strategi-strategi perniagaan dilaksanakan.

Selain keupayaan struktur seperti yang dibincangkan di atas, komponen modal sosial yang merangkumi aspek sokongan komuniti, rasa kepunyaan, semangat kemasyarakatan dan keakraban hubungan ahli komuniti merupakan keupayaan komuniti yang menyumbang kepada kelestarian pembangunan PBK (Ecclestone, 2003; Harpham *et al.*,2002). Kesatuan yang wujud dalam komuniti membolehkan pelaksanaan PBK lebih mudah. Sebaliknya konflik yang wujud dalam komuniti menyukarkan usaha membangunkan projek pelancongan komuniti (Jeong, 2008; Jones, 2005; Taylor, 1995). Kepentingan komponen keupayaan modal sosial dalam pembangunan projek yang melibatkan komuniti termasuklah pelancongan turut diperkatakan oleh Pretty dan Ward (2001). Kajian yang dijalankan oleh Jones (2005) menunjukkan keakraban hubungan dan kesatuan dalam komuniti menyumbang kepada sokongan komuniti terhadap aktiviti penjagaan alam sekitar dan pembangunan projek eko- pelancongan. Begitu juga dengan kajian Moscardo (2008) mendapati keupayaan modal sosial merupakan sesuatu yang kritikal dalam pembangunan PBK kerana projek tersebut adalah berlandaskan kepada sokongan dan kerjasama ahli komuniti.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang dinyatakan di atas, kajian kes berbentuk kualitatif ini dijalankan untuk membolehkan pengkaji meneroka dan memahami secara mendalam proses pembangunan PBK dari aspek pengupayaan komuniti. Kepentingan keupayaan komuniti dalam pembangunan PBK tidak dapat dinafikan seperti mana yang telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Aref *et al.*,2010; Moscardo 2008; Ohiorhenuan dan Wunker, 1995, Slater *et al.*,2005). Walau bagaimanapun kajian berkaitannya masih kurang dijalankan dalam bidang pelancongan berbanding dengan bidang-bidang yang lain seperti kesihatan, pertanian dan pendidikan (Smyth, 2009; Moscardo, 2008; Laverack, 2006). Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan bagi memenuhi jurang kajian yang wujud, sekaligus bakal menyumbang kepada pengayaan ilmu dalam bidang pelancongan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian kes ini adalah untuk meneroka dan memahami secara mendalam proses pembangunan PBK iaitu Miso Walai Homestay dari aspek pengupayaan komuniti yang melibatkan tiga komponen utama iaitu pengupayaan individu, pengupayaan organisasi dan pengupayaan modal sosial.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan asas kepada penerokaan kajian yang dijalankan. Lazimnya dalam kajian yang berbentuk kualitatif, persoalan-persoalan kajian yang dibangunkan adalah bersifat umum dan fleksibel sebagai panduan bertujuan untuk meneroka bagi mendapat kefahaman mendalam terhadap sesuatu proses selaras dengan ciri reka bentuk kajian kualitatif yang bersifat induktif (Othman Lebar, 2006; Marshall dan Rossman, 2006). Persoalan-persoalan kajian yang dibangunkan adalah seperti yang berikut :

- a) Bagaimana bermulanya inisiatif pembangunan Miso Walai Homestay?
- b) Bagaimana proses pembangunan Miso Walai Homestay?
 - i. Bagaimana perancangan pembangunan Miso Walai Homestay dibuat?
- c) Bagaimana proses pengupayaan diri ahli komuniti dibangunkan bagi keperluan pembangunan Miso Walai Homestay?
 - i. Bagaimana kesedaran komuniti dibina?
 - ii. Bagaimana pengetahuan dan kemahiran ahli komuniti dibangunkan ?
 - iii. Bagaimana keupayaan kepimpinan atau kewujudan *local champion*?
- d) Bagaimana keupayaan organisasi di peringkat komuniti dalam mengurus tadbir pembangunan Miso Walai Homestay?
 - i. Apakah bentuk organisasi yang ditubuhkan di peringkat komuniti?
 - ii. Bagaimana pengurusan dan pentadbiran pelancongan di bawah organisasi yang ditubuhkan?
 - iii. Sejauhmana organisasi tersebut memberi peluang penglibatan kepada komuniti setempat?
 - iv. Sejauhmana pelancongan berkembang di bawah organisasi tersebut?
 - v. Sejauhmana penubuhan organisasi pelancongan menyumbang kepada pemerksaan komuniti terutamanya dari aspek ekonomi dan penjagaan alam semula jadi?
- e) Bagaimana kerjasama komuniti dengan pihak luar dalam membangunkan Miso Walai Homestay?
- f) Bagaimana keupayaan modal sosial komuniti dalam membangunkan Miso Walai Homestay?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian kes yang dijalankan ini membolehkan kefahaman mendalam dibina oleh pengkaji berkaitan proses pembangunan PBK terutamanya dari aspek pengupayaan komuniti yang merangkumi keupayaan modal insan, keupayaan organisasi dan juga keupayaan modal sosial. Pengumpulan data menerusi perkongsian pengalaman sebenar peserta kajian yang terlibat dalam proses pembangunan pelancongan sejak awal, rujukan dokumen-dokumen yang berkaitan serta pengalaman pengkaji sendiri semasa berada di kawasan kajian membolehkan kefahaman tersebut dibina dan menjadikan hasil kajian ini lebih menarik.

Kajian ini mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam konteks pembangunan pelancongan khususnya yang melibatkan komuniti luar bandar. Hal ini demikian kerana hasil daripada kajian literatur telah menunjukkan bahawa pengupayaan komuniti merupakan komponen yang penting dalam proses pembangunan PBK (Slater *et al.*, 2005; Ohiorhenuan dan Wunker, 1995) tetapi masih kurang diberi perhatian dalam bidang pelancongan berbanding dengan bidang-bidang yang lain seperti bidang kesihatan (George *et al.*, 2007; Raeburn *et al.*, 2007; Slater *et al.* 2005; Seremba dan Moore, 2005; Labonte dan Laverack, 2001), pendidikan (Smyth, 2009; Harris, 2001) dan juga pertanian (Bokor, 2001). Selain daripada itu fokus umum tentang konsep pengupayaan komuniti lebih menumpukan kepada komponen modal insan dan kurang memberi perhatian dari aspek keupayaan struktur dan keupayaan modal sosial. Oleh hal yang demikian, menerusi kajian ini sudah pasti membolehkan kefahaman yang lebih mendalam dibina berkaitan konsep pengupayaan komuniti terutamanya dalam skop pembangunan PBK, sekaligus menyumbang kepada pengayaan ilmu atau *body of knowledge* dalam bidang tersebut.

Selain itu, hasil kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam pembangunan pelancongan termasuklah kementerian yang terlibat seperti *MOTAC*, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Institut Kemajuan Desa (INFRA), dan agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan input berguna kepada pihak *NGO* atau agensi-agensi pembangunan antarabangsa dalam meningkatkan lagi peranan mereka

dalam membantu komuniti membangunkan pelancongan. Begitu juga komuniti setempat yang terlibat di kawasan kajian boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai sumber saintifik dalam memperbaiki atau menambah baik pembangunan pelancongan di kawasan mereka.

Cadangan kerangka dan model daripada kajian ini boleh dijadikan panduan kepada mana-mana komuniti lain yang terlibat dalam pembangunan PBK. Walaupun hasil daripada kajian berbentuk kualitatif seperti pendekatan kajian kes ini tidak bertujuan untuk digeneralisasi namun deskripsi yang terperinci daripada hasil kajian membolehkan pembaca membandingkan kesesuaian dapatan dalam situasi mereka. Ini bermakna proses yang dilalui oleh kajian kes ini dalam membangunkan PBK boleh diaplikasi dalam kes-kes lain yang bersesuaian selaras dengan sifat kajian jenis yang lebih menumpukan kepada proses daripada hasil atau produk. Ciri ini dikenali sebagai kebolehpindahan dalam kajian kualitatif atau kesahan luaran dalam kajian berbentuk kuantitatif (Othman Lebar, 2006; Lincoln dan Guba, 1985).

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah menumpukan kepada proses pembangunan Miso Walai Homestay dengan fokus utama kepada pengupayaan komuniti yang merangkumi aspek keupayaan diri, keupayaan organisasi dan keupayaan modal sosial. Ini bermakna data-data kajian ini turut melibatkan pengalaman-pengalaman lepas yang telah dilalui oleh komuniti dalam proses pembangunan Miso Walai Homestay dan data semasa. Kajian ini turut memfokuskan kepada beberapa buah kampung dalam Mukim Batu Puteh, Kinabatangan Sabah yang terlibat dalam pembangunan Miso Walai Homestay iaitu Kampung Batu Puteh, Kampung Perpaduan, Kampung Menggaris dan juga Kampung Paris. Peserta-peserta kajian ini adalah terdiri dalam kalangan mereka yang terlibat dalam proses pembangunan Miso Walai Homestay iaitu ahli-ahli *MESCOT*, *NGO* dan beberapa stakeholder yang terlibat seperti Jabatan Perhutanan Sabah (JPS), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Universiti Rakuno, Hokaido Jepun.

1.8 Batasan Kajian


Batasan kajian adalah penting untuk membolehkan pengkaji sedar tentang realiti kajian dan sumbangannya. Dengan ini diakui bahawa sesuatu kajian itu memang ada batasannya atau sempadannya. Batasan kajian adalah lebih menjurus kepada perkara yang ingin dicapai dan tidak akan dicapai dalam sesuatu kajian itu. Oleh sebab kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes, hasilnya tidak boleh digeneralisasikan secara statistik tetapi ianya dibolehpindahkan (*transferability*) dalam konteks dan situasi lain.

Dari segi lokasi pula, pengkaji membataskan kajian ini kepada beberapa buah komuniti di Mukim Batu Puteh yang terlibat dalam pembangunan pelancongan sejak awal inisiatif tersebut. Kampung-kampung yang terlibat dalam kajian ini terdiri dari Kampung Batu Puteh, Kampung Perpaduan, Kampung Menggaris dan juga Kampung Paris. Selain itu batasan kajian juga dilihat dari aspek kutipan data itu sendiri, iaitu data berkaitan proses awal pembangunan Miso Walai Homestay adalah berdasarkan pengalaman lepas yang telah dilalui oleh peserta kajian. Walaupun data-data tersebut adalah berdasarkan pengalaman lepas peserta kajian dan tidak dapat diperhatikan oleh pengkaji, namun begitu data tersebut tidaklah menjejaskan kesahannya kerana peserta-peserta kajian yang dipilih adalah berdasarkan penglibatan dan pengalaman sebenar mereka.

1.9 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep dalam kajian kualitatif bukanlah sesuatu yang tetap sebaliknya hanyalah dijadikan asas awal dalam penerokaan kajian dan berkembang selaras dengan berkembangnya rekabentuk (*emergent design*) kajian dan selaras dengan kajian ini yang bersifat induktif (Creswell, 2012; Othman Lebar, 2006; Merriam, 2003). Tujuan kajian kualitatif juga bukan untuk menguji konsep atau teori sebaliknya mengumpul maklumat dari lapangan untuk memahami konsep atau teori. Kerangka konsep yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 mengandungi beberapa

komponen iaitu inisiatif PBK, pengupayaan komuniti, sokongan *NGO* atau kerajaan, penglibatan, kawalan dan feadah kepada komuniti serta komponen kelestarian pembangunan PBK yang juga merupakan hasil kepada proses pengupayaan komuniti. Pengupayaan komuniti merupakan fokus utama dalam kajian ini yang terletak di tengah-tengah, iaitu merangkumi tiga komponen iaitu komponen pengupayaan diri (modal insan), komponen pengupayaan organisasi (struktur) dan komponen pengupayaan modal sosial. Daripada aliran kerangka ini jelas menunjukkan hasilnya ialah kelestarian pembangunan pelancongan komuniti.



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian

1.10 Struktur Tesis

Tesis ini mengandung enam bab iaitu bab pertama; pendahuluan, bab kedua; kajian literatur berkaitan pelancongan dan pengupayaan komuniti, bab ketiga; metodologi kajian, bab keempat; dapatan kajian, bab kelima; perbincangan pengupayaan komuniti dan kelestarian pelancongan dan bab keenam; implikasi kajian dan kesimpulan. Fokus setiap bab yang dinyatakan ini adalah seperti di bawah:

i. Bab Satu : Pendahuluan

Bab ini merupakan permulaan kepada kajian, iaitu meliputi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan-persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konsep kajian, struktur tesis dan rumusan.

ii. Bab Dua : Pelancongan dan Pengupayaan Komuniti

Bab dua pula ialah kajian literatur yang meliputi penelitian ke atas hasil-hasil kajian yang telah dijalankan, rujukan konsep, teori serta model yang berkaitan dengan kajian ini. Fokus dalam bab dua adalah tertumpu kepada dua komponen utama kajian iaitu pelancongan dan pengupayaan komuniti. Kajian literatur ini amat penting dalam memberikan kefahaman berkaitan dengan isu dan masalah kajian yang sedang dijalankan dan digunakan dalam bab akhir untuk membolehkan perbincangan secara intelektual.

iii. Bab Tiga : Metodologi Kajian

Bab tiga ini mengkhususkan kepada metodologi kajian iaitu perincian kepada proses penyelidikan dijalankan oleh pengkaji, iaitu merangkumi kefahaman terhadap falsafah kajian, pendekatan kajian kualitatif, rekabentuk kajian, pemilihan kajian kes, pemilihan peserta kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, sampel

kajian, prosedur dan kaedah analisis data, penulisan laporan dan perkara-perkara lain berkaitan dengan metodologi kajian yang dinyatakan di bahagian ini.

iv. Bab Empat : Dapatan Kajian

Bab empat pula memfokuskan kepada dapatan-dapatan kajian hasil daripada data yang telah dianalisis oleh pengkaji. Hasil-hasil kajian yang dikemukakan dalam bab ini berdasarkan tema dan juga subtema yang telah dibina semasa proses analisis data. Hasil-hasil kajian ditulis dalam bentuk laporan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian, juga dengan merujuk dokumen-dokumen berkaitan serta pengalaman pengkaji sendiri semasa berada di kawasan kerja lapangan.


v. Bab Lima : Pengupayaan Komuniti dan Kelestarian Pelancongan

Bab ini membincangkan hasil kajian secara ilmiah dengan merujuk kepada kajian literatur yang telah dijalankan. Perbincangan dapatan kajian di bahagian ini adalah berdasarkan kepada fokus kajian iaitu pengupayaan komuniti dan kelestarian pelancongan.

vi. Bab Enam: Implikasi Kajian dan Kesimpulan

Bab akhir ini menumpukan kepada implikasi kajian dari aspek teori, amalan dan juga metodologi kajian. Cadangan-cadangan sama ada dalam bentuk kerangka, model atau saranan-saranan kepada pihak yang berkepentingan dalam pembangunan PBK merupakan sebahagian daripada bab ini. Limitasi kajian dan cadangan kajian lanjutan turut dibincangkan dalam bab ini.

Carta alir penyelidikan yang merangkumi struktur tesis seperti mana yang diterangkan di atas ditunjukkan menerusi Rajah 1.2. Carta alir ini adalah merupakan gambaran keseluruhan aliran proses penyelidikan ini dijalankan.



Rajah 1.2 Carta Alir Penyelidikan

1.11 Rumusan

Isu keupayaan komuniti dalam proses pembangunan pelancongan komuniti merupakan fokus penting dalam kajian ini. Keterbatasan keupayaan komuniti mengundang pelbagai implikasi yang penting terhadap komuniti yang terlibat seperti ketidakupayaan dari aspek perancangan, kekangan penglibatan, kebergantungan komuniti, kawalan dan pemilikan dalam pembangunan pelancongan, dominasi pihak luar dan implikasi-implikasi negatif yang lain. Sehubungan dengan itu bagi memastikan pembangunan pelancongan komuniti benar-benar berfungsi sebagai pemangkin pembangunan komuniti luar bandar khususnya di Malaysia, penerokaan terhadap pengupayaan komuniti yang meliputi aspek keupayaan modal insan dalam kalangan ahli komuniti, keupayaan organisasi di peringkat komuniti serta keupayaan modal sosial merupakan sesuatu yang kritikal dalam proses pembangunan pelancongan di peringkat komuniti.

RUJUKAN

- Abbort, J. (1995). Community Participation And Its Relationship To Community Development. *Community Development Journal*. 30 (2), 164.
- Ahmad, M.S. (2012). *Community Empowerment Impact On Sustainability Of Community Driven Project In Pakistan*. Doctor Of Philosophy, UTM, Malaysia.
- Amran Hamzah (1997). *The Evolution Of Small Scale Development In Malaysia: Problems, Opportunities And Implication On Sustainability*, Tourism And Sustainability, CAB International: Wallingford, Oxon.
- Amran Hamzah & Zainab Khalifah (2009). *Handbook For Community Based Tourism: How To Develop And Sustain CBT*: Asia Pacific Economic Cooperation Tourism Working Group (APEC TWG).
- Amran Hamzah (2010). *When Is A Homestay Not A Homestay?*. Academic Presentation. 30 July At Built Environment Faculty. University Teknologi Malaysia, Johore.
- Amstrong B. (2012). An Analysis Of The Condition For Success Of Community Based Tourism Enterprises, Ocasional Paper OP 21: International Center For Responsible Tourism. [Http://Www.Artyforum.info/RTD/OP21RebeccaArmstrong.Pdf](http://www.Artyforum.info/RTD/OP21RebeccaArmstrong.Pdf)

- Anstein, R. (1969). A Ladder Of Citizen Participation. *Journal Of The American Institute Of Planner*. 35.216-224.
- Ap, J. (1992). Residents' Perceptions On Tourism Impacts. *Annals Of Tourism Research*, 19, 665-690.
- Aref, F., & Ma'rof, R. & Sarjit, S. Gill. (2010). Assessing The Level Of Community Capacity Building In Tourism Development In Local Communities. *Journal Of Sustainable Development*. 3(1),81-90.
- Aref, F., Ma'rof, R. (2009a). Community Capacity Building For Tourism Development. *Journal Of Human Ecology*. 27 (1), 21-25.
- Aref, F., Redzuan, M.R And Emby, Z. (2009b). Assessing Community Leadership Factor In Community Capacity Building In Tourism Development: A Case Study Of Shiraz, Iran. *Journal Of Human Ecology*. 28(3), 171-176.
- Aref F, Redzuan, M.R And Gill, S.S. (2009c). Community Skills And Knowledge Tourism Development. *European Journal Of Sciences*. 8(4),6611-671.
- Arenas Natalia, P. (2010). *Stakeholder Collaboration For The Development Of Sustainable Tourism In Urban Green Spaces: The Case Of Maungawhau-Mt Eden, Auckland New Zealand*. Master Tesis, Wageningen University, Netherland.
- Ashley, C., & Goodwin, H. (2007). 'Pro Poor Tourism' - What's Gone Right And What's Gone Wrong? ODI Opinion (No. 80).
- Ashley, C., Boyd, C., & Goodwin, H. (2000). *PPT: Putting Poverty At The Heart Of The Tourism Agenda*. Overseas Development Institute.
- Ashley, C., Garland. E. (1994). Promoting Community Based Tourism Development, Why, What And How ?. Research Discussion Paper No 4. [Http://Www.The-Eis.Com/Data/Rdps/RDP04.Pdf](http://www.The-Eis.Com/Data/Rdps/RDP04.Pdf)

- Ausaid (2006). *A Staged Approach To Assess, Plan And Monitor Capacity Building*. Australian Government/Ausaid. [Http://Www2.Adb.Org/Documents/Others/Gov-Cd/Stagedcapacity.Pdf](http://Www2.Adb.Org/Documents/Others/Gov-Cd/Stagedcapacity.Pdf)
- Balint, J. (2006). Improving Community Based Conservation Near Protected Area: The Importance Of Development Variables, *Environment Management Journal*. 28 (1), 137-148.
- Bankston, C., & M. Zhou. (2002). Social Capital As Process: The Meaning And Problems Of A Theoretical Metaphor. *Sociological Inquiry*. 72, 285-317.
- Banks, S. & Shenton, F. (2001) "Regenerating Neighbourhoods: A Critical Look At The Role Of Community Capacity Building". *Local Economy*. 16 (4)286-298.
- Baromey, N., Rith, S. & Yokohari, M. (2011). Enhancing Sustainability Through The Building Of Capabilities: Analysis Of Community-Based Ecotourism Development In Cambodian Protected Areas. In: Hamzah. A. (Ed.), *Proceedings Of The 3rd World Ecotourism Conference*. Sihanoukville, Cambodia. Pp. 1-19
- Becker, G. S. (1964). *Human Capital*. New York: Columbia University Press.
- Becker, G.S. (2006). Health And Human Capital: The Inaugural T.W. Schultz Lecture *Review Of Agricultural Economics*. 28(3), 323-325. ABI/ INFORM Global. Proquest. [Http://Www.Proquest.Com/](http://Www.Proquest.Com/)
- Beeton, S. (2006). *Community Development Through Tourism*. In: Landlink Press, Australia.
- Berg, B.L. (2004). *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*. (4th Ed.) London.: Pearson
- Bhatia, A.K. (1983). *Tourism Development*. Aph Publishing Corporation.

- Blackstock, K. (2005). A Critical Look At Community Based Tourism. *Community Development Journal*. 40 (1), 39-49.
- Blackwell, A., Colmenar, R. (2000). Community-Building: From Local Wisdom To Public Policy. *Public Health Reports*, 115 (2&3): 161-166.
- Blaikie, P. (2000). Development, Post, Anti And Populist: A Critical Review, *Environment And Planning*. 32, 109-130.
- Blau, P. M. (1964). *Exchange And Power In Social Life*. New York: Wiley
- Blumenthal, B. (2004). Rethinking Capacity-Building. *Foundation News And Commentary*. 45(3), 42-49.
- Bogdan, R. C. & Biken, S. K. (2003). *Qualitative Research For Education: An Introduction To Theories And Methods*. Bostons: Allyn & Bacon.
- Bokor, C. (2001). Community Readiness For Economic Development: Community Readiness Check-List. Ontario Ministry Of Agriculture, Food And Rural Affairs Factsheet 01-035. [Http://Www.Gov.Onca/OMAFRA/English/Rural/Facts/01-035.Htm](http://www.gov.on.ca/OMAFRA/english/Rural/Facts/01-035.htm)
- Bopp, M., Germann, K., Bopp, J., Baugh Littlejohns, L., & Smith, N. (2000). *Assessing Community Capacity For Change*.
- Bourke, L. And Luloff, A.E. (1996) Rural Tourism Development: Are Communities In Southwest Rural Pennsylvania Ready To Participate? In: Harrison, L.C. And Husbands, W. (Eds) *And Development*. Wiley, New York, 277-295
- Bowen, G.L., Mancini, J. A., Martin, J.A., Ware, W.B., & Nelson, J. P. (2003). Promoting The Adaptation Of Military Families: An Empirical Test Of A Community Practice Model. *Interdisciplinary Journal Of Applied Family Studies* 52, 33-44.

- Bowen, L., Mancini, J. A., Martin, J.A., & Nelson, P. (2000). Community Capacity: Antecedents And Consequences. *Journal Of Community Practice*. 8, 1-21.
- Briedenhman, J., & Wickens, E. (2004). Tourism Route As A Tool For The Economic Development Of Rural Area-Vibrant Hope Or Impossible Dream? *Tourism Management*. 25 (1), 71-79.
- Britton, S. (1984). *Tourism And Underdevelopment In Fiji*. Canberra: Australia National University.
- Brohman, J. (1996). 'New Directions In Tourism For Third World Development'. *Annals Of Tourism Research*. 23(1), 48 - 70.
- Bromsley, D.D. (1986). *The Case Study Method In Psychology And Related Disciplines*. London: John Wiley & Sons.
- Bryman, A., (2001). *Social Research Methods*. (1st Ed.) Oxford : Oxford University Press.
- Buccus, I., Hemson, D., Hicks, J., & Piper, L. (2008). Community Development And Engagement With Local Governance In South Africa. *Community Development Journal*, 43(3), 297-311.
- Budowski, G. (1976). Tourism And Environmental Conservation: Conflict, Coexistence Or Symbiosis? *Environmental Conservation* 3 (1), 27-31.
- Burns, R. B. (2000). *Introduction To Research Methods*. (4th Ed). Australia: Pearson Education.
- Bushell, R., & Eagles, P. (Eds.). (2007). *Tourism And Protected Areas: Benefits Beyond Boundaries*. London CAB International, UK.

- Butcher, J. (2007). *Ecotourism, Ngos And Development*. London And New York: Routledge.
- Butler, R. (1980). 'The Concept Of The Tourist Area Cycle Of Evolution: Implications For Management Of Resources'. *Canadian Geographer*. 24, 5-12.
- Butler, R., & Hinch, T. (2007). Key Themes And Issues In Indigenous Tourism. In R. Butler & T. Hinch (Eds.), *Tourism And Indigenous Peoples*. Oxford And Burlington: Butterworth-Heinemann.
- Carbone, Maurizio. (2005). Sustainable Tourism In Developing Countries: Poverty Alleviation, Participatory Planning, And Ethical Issues. *The European Journal Of Development Research*. 17 (3): 559-565.
- Cavaye J.M. (2000) The Role Of Government In Community Capacity Building. Department Of Primary Industries And Fisheries Information Series QI99804. Queensland Government [Http://Www.Community Development. Com.Au/Documents/The%20Role%20of%20Government%20in%20Community%20Capacity%20Building.Pdf](http://www.CommunityDevelopment.Com.Au/Documents/The%20Role%20of%20Government%20in%20Community%20Capacity%20Building.Pdf)
- Chapman, M., & Kirk, K.(2001). *Lessons For Community Capacity Building: A Summary Of The Research Evidence*. Scottish Homes.
- Chaskin, R.J., Brown, P., Venkatesh, S., & Vidal, A. (2001) *Building Community Capacity*. New York: Aline De Gruyter
- Coate, B., Handmer, J., & Choong, W. (2006). Taking Care Of People And Communities: Rebuilding livelihoods Through Ngos And The Informal Economy In Southern Thailand. *Disaster Prevention And Management*, 15(1), 135.

- Cole, S. T. (2006). Examining The Mediating Role Of Festivals Visitors' Satisfaction In The Relationship Between Service Quality And Behavioural Intentions. *Journal Of Vacation Marketing*. 12 (2), 160-173.
- Cole, S. T. (2006). *Tourism, Culture And Development: Hopes, Dreams And Realities In East Indonesia*. Clevedon UK: Channel View Publicatio.
- Conyers, D. And Hills, P. (1984). *An Introduction To Development Planning In The Third World*. Chichester: John Wiley & Son.
- Conway, P., & Hachen, S. (2005). Attachments, Grievances, Resources, And Efficacy: The Determinants Of Tenant Association Participation Among Public Housing Tenants. *Journal Of Urban Affair*. 27, 25-52.
- Cooper, G. (2004). Community Based Tourism Experiences In The Carribbean: Lessons And Key Consideration. *Carribbean Tourism Organization Sixth Annual Caribbean Conference On Sustainable Tourism Development "Keeping The Right Balance – Land And Sea Encounters"*. 27-30 April 2004. Havana, Cuba.
- Craig, G. (2007). Community Capacity-Building: Something Old, Something New ? *Critical Social Policy*. 27(3), 335-359.
- Cresswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks: Sage.
- Cresswell, J.W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches* (2nded.) Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Cresswell, J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. (4th Ed.) US: Pearson.
- Cropanzano, R., Mitchell, M.S (2005). Social Exchange Theory: An Interdisciplinary Review. *Journal Of Management*. 31, 874-900.

- Cupples, J. (2005). What Is Community Capacity Building? From <https://www.ccwa.org.uk/v2/downloads/cms/1121303664.pdf>
- Dang, L. H. (2009). *Non-Governmental Organizations (Ngos) And Development: An Illustration Of Foreign Ngos In Vietnam*. MA Thesis, Ohio University
- Davis, J.S., & Morais, D. B. (2004). Fraction And Enclaves: Small Towns And Socially Unsustainable Tourism Development. *Journal Of Travel Research*. 43 (1), 3-10.
- De Kadt, E. (1979). *Tourism: Passport To Development? Perspectives On The Social And Cultural Effects Of Tourism In Developing Countries*. New York: Oxford University Press.
- Denzin, N.K., & Lincoln, Y.S. (Eds.). (1994). *Handbook Of Qualitative Research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Deneui, D.L.C. (2003). An Investigation Of First – Year College Students' Psychological Sense Of Community On Campus. *College Student Journal*. 37(2), 224–234.
- Dernoi, L. (1991). Prospects Of Rural Tourism: Needs And Opportunities. *Tourism Recreation Research*. 16 (1), 89-94.
- Desai, V. (2009). Aid. In K. Rob & T. Nigel (Eds.), *International Encyclopedia Human Geography*. Oxford: Elsevier.
- Dos Santos, T. (1972). Dependence And The International System. In J.O. Cockcroft And A. Gunder-Franks. (Eds.) *Dependence And Underdevelopment* (Pp 71-72). New York: Anchor.
- Dixey, L. (2008) The Unsustainability Of Community Tourism Donor Projects: Lessons From Zambia. In Spenceley, A. (Ed.). *Responsible*

Tourism Critical Issues For Conservation And Development. London: Earthscan.

Drake, S. P. (1991). 'Local Participation In Ecotourism Projects'. In, W. Tensie (Ed). *Nature Tourism: Managing For The Environment*. Washington, DC: Island Press.

Drumm, A & Moore, A. (2005). *Ecotourism Development: A Manual For Conservation Planners And Managers*

Eagles, P.F.J. (2009). Governance Of Recreation And Tourism Partnerships In Parks And Protected Areas. *Journal Of Sustainable Tourism*.17(2), 231-248.

Ecclestone, K., And J. Field. (2003). Promoting Social Capital In A "Risk Society",A New Approach To Emancipatory Learning Or New Moral Authoritarianism? *British Journal Of Sociology Of Education*. 24, 267–282.

Eguren, I. R. (2008). Moving Up And Down The Ladder: Community-Based Participation In Public Dialogue And Deliberation In Bolivia And Guatemala. *Community Development Journal*. 43(3),312-328.

Ellis, S. (2011). *Community Based Tourism In Cambodia: Exploring The Role Of Community For Success Implementation In Least Developed Countries*. Doctor Of Philosophy, Edith Cowen University, Australia.

Elper W. M. (2002). *Ecotourism: Principles, Practices And Policies For Sustainability*. Paris :UNEP.

Ezzy, D. (2000). *Qualitative Analysis: Practical And Innovation*. London: Routledge

Farrell, B. And Mclellan, R. (1987).Tourism And Physical Environment Research. *Annals Of Tourism Research*.14 (1),1-16.

- Fiona, V. (2007). Community Capacity Building – A Review Of The Literature. From [http://www.health.sa.gov.au/PEHS/Branches/Health-Promotion/0711capacity Building-Review-Lit.Pdf](http://www.health.sa.gov.au/PEHS/Branches/Health-Promotion/0711capacity%20Building-Review-Lit.Pdf)
- Forstner, K. (2004) Community Ventures And Access To Markets: The Role Of Intermediaries In Marketing Rural Tourism Products. *Development Policy Review*. 22, 497-514.
- Fossey, E., Harvey, C., Mcdermott F., Davidson L. (2002). Understanding And Evaluating Qualitative Research. Australia And New Zealand. *Journal Of Psychiatry*. 36 (6), 717-732.
- Frank, F., & Smith, A. (1999). *The Community Development Handbook: A Tool To Build Community Capacity*. Hull, Canada: Human Resources Development Canada.
- Galea, S., Rockers, P. C., Saydee, G., Macauley, R., Varpilah, S. T., & Kruk, M. E. (2010). Persistent Psychopathology In The Wake Of Civil War: Long-Term Posttraumatic Stress Disorder In Nimba County, Liberia. *American Journal Of Public Health*, 100(9), 1745-1751.
- Garrold, B. (2003). Local Participation In The Planning And Management Of Ecotourism: A Revised Model Approach. *Journal Of Ecotourism*. 2(1), 33-51.
- George, L. S., Fulop, M., & Wickham, L. (2007). Building Capacity Of Environmental Health Services At The Local And National Levels With The 10-Essential-Services Framework. *Journal Environ Health*. 70(1), 17-20.
